

Busan Tuan Rumah Kedua Asia Summer Program 2013

Seramai 22 pelajar Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah mengikuti Asia Summer Program (ASP) 2013 selama tiga minggu, di Dongseo University, bermula 8 hingga 27 Julai 2013. Program tersebut dianjurkan hasil kerjasama antara lima buah universiti dari lima buah negara Asia iaitu, UniMAP, Malaysia; Dongseo University, Korea; Petra Christian University, Indonesia; Bangkok University, Thailand dan Josai International University, Jepun.

Program ini bertujuan bagi memberi pendedahan dan bertukar kemahiran antara pelajar mengenai potensi yang dimiliki oleh negara-negara Asia selain membuka ruang bagi komunikasi silang budaya. Majlis Perasmian ASP 2013 disempurnakan Presiden, Dongseo University, Prof. Dr. Jekuk Chang. Turut hadir tiga lagi pengasas utama ASP, Rektor Petra Christian University, Prof. Dr. Rolly Intan; Naib Presiden, Bangkok University, Dr. Siriwan Ratanakarn dan Naib Presiden, Josai International University, Dr. Masumi Ishida.

ASP 2013 merupakan penganjuran kali kedua yang diadakan dan Dongseo University, Korea, telah dipilih untuk menjadi tuan rumah bagi program kali ini. Ia disertai 340 orang peserta dan 30 orang tenaga pengajar daripada 27 buah universiti. UniMAP bakal menjadi tuan rumah ASP 2014 yang dijangkakan akan berlangsung pada pertengahan tahun hadapan. Simbolik penyerahan bendera ASP kepada UniMAP telah diadakan semasa majlis Penutup ASP 2013. Penyerahan tersebut telah disempurnakan oleh Presiden DSU, Prof. Dr. Jekuk Chang kepada Naib Canselor UniMAP, Brig. Jeneral Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin. Datuk Kamarudin dalam ucapannya berjanji bahawa UniMAP akan melaksanakan ASP 2014 dengan sebaik mungkin.

